

27/04/1998

KPRJ nafi abai kontraktor Bumiputera

MERSING, Ahad - Syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) mempertahankan dirinya bahawa ia bersikap adil dalam mengagihkan projek jalan luar bandar kepada kontraktor Bumiputera di negeri ini.

KPRJ yang sering mendapat kritikan mengenai operasinya termasuk sikap tertutup Ketua Eksekutifnya, Datuk Amirullah AM Mayudin, menjelaskan bahawa syarikat itu tidak menyimpang daripada matlamat sejak penubuhannya lebih dua tahun lalu.

Amirullah menjelaskan, 198 kontraktor berpeluang mendapat kontrak pembinaan jalan luar bandar sepanjang 1,706 kilometer dengan 1,282 kilometer daripadanya sudah siap dibina sehingga Mac lalu.

"Semua kontraktor itu adalah mereka yang berada dalam senarai kontraktor di Johor termasuk nama mereka yang dikemukakan oleh pegawai daerah di kawasan projek dilaksanakannya," katanya.

Beliau menjawab pelbagai soalan dikemukakan anggota Exco kerajaan negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), pada majlis taklimat suku tahun pertama Pelan Tindakan Belanjawan Johor 1998 di Pulau Sibul, dekat sini.

Malah, Amirullah menjadi tumpuan pada taklimat itu berbanding pelbagai jabatan lain berikutan pelaksanaan projek dikendalikan KPRJ didakwa menyebabkan ramai kontraktor Bumiputera tercicir daripada peluang mendapat kerja.

Sejak ditubuhkan pada hujung 1995, KPRJ sentiasa diselubungi kontroversi berikutan kerajaan negeri menyerahkan sepenuhnya kepada syarikat itu mengendalikan program pembinaan jalan luar bandar, membaik pulih masjid dan pembinaan perpustakaan desa.

Malah, perkara itu turut dibangkitkan di akhir lawatan Perdana Menteri ke Johor minggu lalu dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan negeri wajar menubuhkan syarikat seumpama itu jika pihak swasta tidak mampu melaksanakan projek infrastruktur berkenaan.

Amirullah yang selama ini tidak memberi sebarang maklumat kepada media mengenai operasi KPRJ, memberitahu majlis taklimat itu bahawa syarikat berkenaan diberi tanggungjawab membangunkan projek kerajaan negeri bernilai RM2.26 bilion.

Menurutnya, projek membabitkan kawasan masing-masing seluas 680 hektar di Danga dan Tebrau/Plentong dekat sini, dibiayai sendiri oleh KPRJ tanpa membabitkan kewangan kerajaan negeri.

Beliau berkata, pula-ngan daripada pembangunan komersil di kedua-dua kawasan itu adalah cukup untuk membiayai projek prasarana seperti jalan luar bandar, masjid dan perpustakaan desa.

Ketika ini, KPRJ beroperasi dengan menggunakan pinjaman bersindiket berjumlah RM260 juta yang diperolehi menerusi perjanjian dengan tujuh institusi kewangan, hasil sokongan kerajaan negeri.

Amirullah menegaskan, KPRJ dalam membangunkan tanah di Danga dan Tebrau/Plentong, turut membimbing usahawan tempatan dengan mewujudkan syarikat usaha sama bagi melaksanakan projek berkenaan.

(END)